

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HTV 201 – Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Tuliskan nama tutor dan pusat pengajian anda di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab SATU soalan dari bahagian A, SATU dari bahagian B dan SATU dari bahagian C. Sumbangan markah tiap-tiap soalan di Bahagian A, B dan C ialah 40 markah, 40 markah dan 20 markah masing-masing.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi 3 halaman.

Bahagian A

1. Ketagihan rokok di kalangan masyarakat Malaysia terutama sekali remaja semakin meningkat walaupun diketahui bahawa merokok merupakan salah satu punca penyakit kanser paru-paru.
 - [a] Gunakan teknik 'random entry' ataupun 'penyertaan rawak' untuk menjanakan idea-idea kreatif bagi menyelesaikan masalah ini.

[15 markah]
 - [b] Bincangkan idea-idea yang terbabit dengan menggunakan dua gaya berfikir yang sesuai.

[25 markah]
2. Orang ramai selalu merungut mengenai layanan yang tidak memuaskan daripada pihak kaunter Pejabat Imigresen dan Kastam. Dengan bantuan teknik-teknik berfikir yang sesuai, bincangkan faktor-faktor terjadinya masalah ini dan cadangkan cara-cara paling efektif untuk membenters masalah ini.

[40 markah]

Bahagian B

3. Bolehkah pengambilan gula dalam diet secara berlebihan mengakibatkan penyakit kencing manis kepada manusia? Sebagai seorang saintis muda, anda diminta menyelesaikan persoalan tersebut dengan menggunakan kaedah pemikiran secara saintifik.

[40 markah]
4. Salah satu daripada agenda terpenting yang digariskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa mengambil alih pentadbiran negara ialah untuk menghapuskan masalah rasuah. Dengan menggunakan kaedah Enam Topi Berfikir, bincangkan langkah-langkah yang efektif untuk menyelesaikan masalah ini daripada berterusan.

[40 markah]

5. Program kejururawatan merupakan salah satu program pengajian yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Sains Kesihatan di USM. Setelah empat kumpulan pelajar diterima masuk ke program ini, hanya sebilangan kecil sahaja pelajarannya terdiri daripada pelajar lelaki. Seperti yang diketahui umum, jururawat lelaki sebenarnya amat diperlukan dalam kerjaya ini.

Dengan menggunakan alat-alat berfikir yang sesuai, buat satu cadangan untuk menggalakkan kemasukan pelajar lelaki ke program kejururawatan.

[40 markah]

Bahagian C

6. Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilalui dalam mengaplikasikan pemikiran analisis dan desain.

[20 markah]

7. Pilih DUA daripada gaya berfikir di bawah. Senaraikan dan berikan penerangan ringkas ciri-ciri kedua-duanya.

[a] Pemikiran konstruktif

[b] Pemikiran intuitif

[c] Pemikiran nilai

[d] Pemikiran vertikal

[20 markah]